

**SKEMA PEMARKAHAN PEPERIKSAAN PERCUBAAN STPM BAHASA MELAYU
SEMESTER 2, 2020 NEGERI PAHANG.**

SKEMA OBJEKTIF:

NO. SOALAN	JAWAPAN	NO. SOALAN	JAWAPAN	NO. SOALAN	JAWAPAN
1	B	11	C	21	D
2	A	12	A	22	D
3	D	13	C	23	C
4	D	14	C	24	C
5	D	15	B	25	A
6	C	16	A	26	A
7	B	17	B	27	B
8	A	18	A	28	A
9	D	19	D	29	A
10	B	20	A	30	A

SKEMA STRUKTUR:

31. Jelaskan konsep morfofonem dan berikan dua contoh yang sesuai ?

Morfofonem ialah ciri bunyi yang hadir apabila imbuhan digabungkan dengan kata dasar. [1]

Dua contoh:

(peN + kata dasar/ meN + kata dasar)

me + kata dasar [1] men + kata dasar [1] meng + kata dasar [1]

pe + kata dasar [1] pen + kata dasar [1] peng + kata dasar [1]

beR- + kata dasar [1]

- 32.

(a) Ini basikal baharu adik saya.


(b) Kami akan membincangkan ini lagi pada bulan hadapan.

Apakah fungsi kata ganti tunjuk dalam ayat di atas?

Sebagai subjek ayat [1]

Sebagai objek [1]

Soalan 33 berdasarkan pernyataan yang berikut:




Bina satu ayat bagi setiap kata pascafrasa di atas?

Harga rumah kini mahal sungguh. [1]

Sememangnya dia seorang anak yang baik. [1]

(Terima mana-mana jawapan yang sesuai)

34



Soalan 34 berdasarkan pernyataan yang berikut:

Berikan dua contoh kata bagi setiap X dan Y

X : Bunga/ cantik/saya/sini [1] (Untuk kata tunggal)

Y : Temu bual/satu padu/antarabangsa/barangkali [1] (untuk kata majmuk)

(kedudukan jawapan boleh berubah)

35 Bina satu ayat yang menunjukkan

(a) Kata *mengenai* sebagai kata sendi nama

Mereka mendengar taklimat mengenai perkara itu.[1]

(b) Kata *mengenai* sebagai kata kerja

Bola itu mengenai dinding dewan sekolah. [1]

36 Nyatakan pola pada ayat dasar bagi ayat yang berikut :

Ayat Dasar	Pola ayat dasar
a) Budak itu selalu menyendiri sejak akhir-akhir ini.	FN + FK
b) Pegawai perempuan itu sentiasa cantik setiap hari.	FN + FA
c) Nasihat makcik itu sering dalam ingatan saya.	FN + FS
d) Kereta mewah itu kereta baharu kakak saya.	FN + FN

[4]

37 Nyatakan **fungsi klausa tidak bebas** yang dicondongkan dalam ayat di bawah

Klausa dalam ayat	Fungsi klausa dalam ayat
a) Peniaga itu berkata <i>bahawa projek itu akan siap.</i>	Klausa tak bebas sebagai pelengkap
b) Awie mencadangkan <i>supaya kami memohon maaf.</i>	Klausa tak bebas sebagai objek
c) Budak itu menangis <i>kerana dia lapar.</i>	Klausa tak bebas sebagai keterangan

[3]

38

Saya memasukkan sampah itu ke dalam tong. Adik pula membuang sampah tersebut di tempat pengumpulan sampah.

(a) Tukarkan **dua** ayat di atas kepada ayat pasif.

Sampah itu + saya + masukkan ke dalam tong. [1]

Sampah tersebut + dibuang oleh adik + ke tempat pengumpulan sampah. [1]

(Jawapan dalam ayat lengkap)

[2]

(b) Nyatakan jenis ayat pasif yang dihasilkan.


Sampah itu + saya + masukkan ke dalam tong.

Ayat Pasif dengan kata ganti nama diri pertama [1]

Sampah tersebut + dibuang oleh adik + ke tempat pengumpulan sampah.

Ayat Pasif dengan kata ganti nama diri ketiga [1]

[2]



(a) Bina **satu** ayat bagi ayat tanya I dan **satu** ayat bagi ayat tanya II di atas.

- (i) Ayat (I):
 (dalam jawapan, pastikan ayat ditandai kata tanya – apa, bagaimana, berapa, bila, siapa, mana, kenapa /
 Frasa sendi nama tanya – yang mana, di mana, dari mana, sejak bila /
 Disertai partikel ‘-kah’ dalam ayat susunan songsang)

Contoh:

Apakah yang dibeli oleh Rohni? /

Dari manakah dia itu berasal? /

Azhari membeli apa?

[1]

- (ii) Ayat (II):
 (Daripada ayat penyata ditambah tanda tanya/ ditambah kata tanya adakah/ menambah ‘ya’, ‘bukan’ atau ‘tidak’ di akhir ayat tanya tertutup tersebut.)

Contoh:

Dia bapa Siti? [1]

Adakah dia bapa Siti? [1]

Dia bapa Siti, bukan? [1]

[1]

(b) Nyatakan perbezaan ayat tanya I dan II.

- (i) Ayat (I):
 Bentuk jawapan penjelasan / huraian/ penerangan [1]
- (ii) Ayat (II):
 Bentuk jawapan Ya / tidak/ tak/ bukan [1]

40 Nyatakan cara penggabungan bagi ayat majmuk gabungan di bawah.


- (a) Dapatan kajian itu berdasarkan *soal selidik dan temu bual*.
Gabungan pelengkap dengan pelengkap [1]
- (b) Ayah sedang membaca *akhbar atau majalah?*
Gabungan objek dengan objek [1]
- (c) Lelaki itu *seorang jutawan tetapi kedekut*.
Gabungan predikat dengan predikat [1]
- (d) Baju *biru dan hijau* itu sangat mahal.
Gabungan penerang dengan penerang [1]

41

Pekerja itu sedang menebang pokok kelapa.

Bina rajah pohon berdasarkan ayat di atas.

[2]



- 42 Kenal pasti kesalahan bahasa yang terdapat dalam petikan di bawah. Tulis semula kesalahan tersebut, jelaskan sebab kesalahan, dan buat pembedulan.

[9]

Kebanyakan anak muda di negara ini yang tidak berminat untuk menyertai pertubuhan sukarela. Berbagai-bagai langkah telah dijalankan untuk memastikan lebih ramai golongan tersebut berbuat demikian. Antaranya termasuklah mengadakan ceramah kepada orang ramai untuk menyedarkan kepada mereka tentang kepentingan melibatkan diri dalam pertubuhan ini. Lain-lain aktiviti yang telah dilaksanakan adalah dengan mengadakan pameran tentang kegiatan sukarela di tempat-tempat yang sesuai.

Bil	Kesalahan	Sebab Kesalahan	Pembedulan
(a)	...memastikan... [1]	Kata dasar bagi perkataan yang bermula dengan huruf p apabila menerima awalan meN- huruf p akan menjadi m atau Huruf /p/ pada kata dasar (pasti) yang menerima awalan meN- sepatutnya lebur dan digantikan dengan huruf/m/ [1]	...memastikan...[1]
(b)	Kebanyakan anak muda di negara ini yang tidak berminat untuk menyertai pertubuhan sukarela. [1]	Ayat tergantung kerana tiada predikat [1]	Kebanyakan anak muda di negara ini tidak berminat untuk menyertai pertubuhan sukarela. [1]
(c)	...menyedarkan kepada mereka... [1]	Menggunakan kata sendi nama (kepada) selepas kata kerja transitif [1]	...menyedarkan mereka... [1]
(d)	Lain-lain aktiviti... [1]	Tidak menepati hukum D-M [1]	Aktiviti-aktiviti lain... [1]

SKEMA TAMAT